

25 AUG 2001

Mahathir-Meritokrasi

RAMAI MAHASISWI MELAYU BUKTI ANAK MELAYU BUKAN BODOH, KATA DR MAHATHIR

IPOH, 25 Aug (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bilangan pelajar wanita Melayu yang besar di universiti membuktikan bahawa anak-anak Melayu bukanlah bodoh dan mengharapkan hak dan keistimewaan semata-mata untuk mendapat tempat di institusi pengajian tinggi.

Perdana Menteri berkata beliau yakin pelajar lelaki Melayu juga boleh mendapat kelulusan yang baik untuk memasuki uninversiti jika mereka betul-betul menumpukan kepada pelajaran.

"Tumpulah pada pelajaran untuk dapat kelulusan tinggi. Ini naluri manusia, apabila buat sesuatu berkali-kali manusia jadi pandai, cekap dan memiliki ilmu," katanya pada perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 2001 yang dihadiri 5,000 pelajar di Stadium Indera Mulia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata apabila kerajaan mahu menggunakan meritokrasi untuk memilih pelajar Melayu memasuki universiti, ramai yang membantah sedangkan kelonggaran yang diberi selama ini menyebabkan berlakunya tanggapan di kalangan anak-anak Melayu bahawa mereka tidak perlu berusaha untuk memasuki universiti dan ini menyebabkan timbulnya graduan "setengah masak" sahaja.

"Perempuan Melayu banyak masuk universiti, ini tunjukkan mereka belajar. Saya tak percaya lelaki bodoh, wanita pandai," katanya

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Dr Mahathir berkata tidak ada gunanya seseorang itu menganggap dirinya sebagai pejuang bangsa, agama dan negara tetapi tidak belajar dan melengkapkan diri dengan kebolehan untuk mempertahankan negara.

"Sebab itu kita tekankan meritokrasi...masa masih panjang sebelum peperiksaan, belajarlah dengan tekun agar dapat kelulusan lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau malu apabila ada orang menyebut bahawa orang Melayu tidak boleh bertanding dengan kaum lain dan meminta dikurangkan kelulusan untuk membolehkan pelajar-pelajar Melayu memasuki universiti.

Perdana Menteri berkata peluang masih ada untuk mereka berusaha bersungguh-sungguh dan mendapatkan kelulusan untuk memasuki universiti tanpa kelonggaran yang ada sekarang.

"Jika betul-betul sayang dan patriotik, usahalah dari sekarang...tak guna kecapai nikmat dari usaha orang lain, kenalah usaha sendiri," katanya.

Perdana Menteri berharap pemimpin-pemimpin pelajar yang menyertai perhimpunan itu akan mendapat suntikan baru untuk terus menguasai ilmu dan mengambilalih kepimpinan negara dari generasi sekarang.

Katanya, kemerdekaan selama 44 tahun bukanlah satu jangka masa yang panjang berbanding tempoh 450 tahun negara ini dijajah oleh beberapa kuasa asing

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kemerdekaan dan kebebasan yang ada sekarang tidak dapat dijamin kerana terdapat pelbagai usaha untuk menjajah semula negara ini oleh kuasa asing.

Beliau berkata Malasia jauh lebih maju berbanding sebelum merdeka dan berbanding negara-negara yang merdeka dalam tempoh yang sama, tetapi tidak ramai generasi muda sekarang yang melalui pahit maung semasa negara ini dijajah.

"Semasa dijajah, kita dihina dan dipandang rendah, disekat daripada segala kemajuan. Hari ini setiap anak Malaysia ada peluang untuk belajar ke peringkat yang tertinggi, " katanya.

Dr Mahathir berkata kini kerajaan menyediakan peluang pelajaran yang terbaik tetapi masih ada yang menyatakan itu perkara biasa.

Beliau berkata ada negara yang mencapai kemerdekaan dalam tempoh masa yang sama dengan Malaysia tetapi mempunyai pendapatan per kapita yang jauh lebih rendah daripada negara ini selain tidak dapat menyediakan kemudahan pelajaran yang baik, katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak mendiskriminasi kaum wanita daripada segi pendidikan dan ini terbukti dengan adanya 60 peratus pelajar wanita di universiti.

Beliau berharap pelajar lelaki berusaha lebih gigih untuk mengurangkan jurang itu.

Katanya, negara memerlukan rakyat terpelajar terutama saintis, jurutera, arkitek dan akauntan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan merealisasikan Wawasan 2020.

-- BERNAMA

AR KAY MAI